

Pemilik tanah tapak pelupusan haram dikenakan tindakan

JOHOR BAHRU - Pengusaha dan pemilik tanah yang terlibat dalam kebakaran di tapak pelupusan haram di Bukit Kempas akan dikenakan tindakan.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A. Rahman berkata, tindakan seperti merampas hak milik tanah daripada pemilik serta hukuman undang-undang terhadap pengusaha berkenaan akan dikenakan sebagai langkah mengelakkan kejadian seumpama itu berulang selain menjadi peringatan kepada semua pihak.

"Kami akan ambil tindakan kepada kedua-dua pihak iaitu pengusaha dan tuan tanah di mana SWcorp (Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam). Tindakan akan diambil ke atas pengusaha tanah berkenaan, manakala Jabatan Tanah akan ambil tindakan kepada pemilik tanah.

"Kita sudah kenal pasti pemilik tanah dan sudah keluarkan notis rampasan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN). Sebenarnya, kebanyakan pemilik tanah tidak tahu tanah mereka digunakan, ada yang ada tanah tetapi tidak menggunakan tanah mereka ataupun ada yang di-

sewakan kepada pihak lain, jadi pihak ketiga ini yang kurang bertanggungjawab," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas perasmian program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian MBBJ

(Kajian Semula) 2025 dan Sesi Town Hall Bersama Pekilang-pakilang yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon.

Mengulas lanjut mengenai kebakaran di tapak pelupusan sampah haram itu, Amran berkata, pihaknya dan beberapa agensi

lain akan terus melakukan pemantauan secara berterusan bagi mengekang masalah itu daripada berleluasa serta turut menasihatkan semua pihak agar bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar demi kebaikan bersama.

Pada awal Ogos, satu pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah haram di Jalan Banjaran 15, Kempas dilaporkan berlaku menyebabkan pencemaran asap di kawasan sekitarnya.

- Bernama



AMRAN